

# Belanjawan 2003 belanjawan defisit — Dr. Shafie

KOTABHARU 25 Ogos — Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan bulan depan adalah belanjawan defisit, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Salleh.

“Belanjawan 2003 masih lagi defisit tetapi akhir Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) kita harap dapat membuat belanjawan berimbang,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan UMNO Bahagian Pengkalan Chepa dekat di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut terutama mengenai fokus yang akan diberikan dalam belanjawan itu termasuk kemungkinan tindakan mengukuhkan cukai-cukai dalaman dilakukan.

Katanya, apa yang penting kerajaan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan sedang memikirkan bagaimana hendak mendapatkan wang untuk negara.

Ini kerana katanya, jika ditanya pihak swasta mereka

berkehendakkan pengurangan cukai yang banyak tetapi dalam masa yang sama mahu projek lebih.

“Jadi, macam mana nak cari duit. Takkan kita nak berhutang sahaja,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, antara pendekatan yang akan dilaksanakan kerajaan mulai tahun depan di bawah Belanjawan 2003 ialah menyalurkan peruntukan pembangunan projek fizikal pada tahun berikutnya setelah segala masalah berkaitan birokrasi dan pemilihan tapak diselesaikan.

Beliau berkata, ini kerana berdasarkan kajian yang dibuat, pelaksanaan projek pembangunan fizikal selalunya mengambil masa antara lapan bulan hingga setahun untuk dilaksanakan menyebabkan peruntukan tahun berkenaan terperap tanpa dapat digunakan.